

TARIKH : 27 MEI 2023
AKHBAR : UTUSAN
MUKA SURAT : 39

Inflasi April meningkat pada kadar perlahan kepada 33%

Inflasi April meningkat pada kadar perlahan kepada 33%

PETALING JAYA: Inflasi Malaysia meningkat dengan kadar perlahan kepada 3.3 peratus pada April 2023 dengan mata indeks mencatatkan 130.0 berbanding 125.9 bulan sama tahun sebelumnya, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Menurut DOSM, inflasi keseluruhan secara bulanan pada April 2023 meningkat marginal kepada 0.1 peratus pada kadar yang sama yang dicatatkan bulan sebelumnya.

Katanya, ia disumbangkan terutamanya oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.4 peratus), Pengangkutan (0.3 peratus) dan Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan (0.3 peratus).

"Inflasi teras mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang tidak termasuk item makanan segar yang tidak menentu dari segi harga serta barang dan perkhidmatan yang tertakluk dengan kawalan harga dari kerajaan meningkat lebih perlahan kepada 3.6 peratus (Mac 2023: 3.8 peratus).

"Kenaikan ini didorong terutamanya oleh peningkatan perlahan kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol yang mencatatkan 7.2 peratus (Mac 2023: 7.5 peratus) dan Restoran & Hotel (6.6 peratus) (Mac 2023: 7.2 peratus)," katanya dalam kenyataan.

DOSM berkata, kenaikan infla-



PENINGKATAN barangan pengguna antara yang mendorong kepada kenaikan kadar inflasi pada April lalu. - GAMBAR HIASAN

si di Malaysia kekal didorong oleh Restoran dan Hotel (6.6 peratus) dan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (6.3 peratus).

Namun begitu katanya, peningkatan lebih perlahan bagi kumpulan Pengangkutan iaitu 2.3 peratus berbanding Mac 2023 (2.4 peratus) sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi Malaysia daripada terus meningkat lebih tinggi.

Katanya, wajaran bagi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol (29.5 peratus),

Pengangkutan (14.6 peratus) dan Restoran & Hotel (2.9 peratus) yang meliputi 47.0 peratus daripada wajaran keseluruhan IHP turut memberi impak ketara kepada kadar inflasi dan kos sara hidup.

"Selain itu, kenaikan inflasi di Malaysia pada April 2023 turut didorong oleh peningkatan bagi kumpulan Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah (3.0 peratus); Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (2.5 peratus); Kesihatan (2.1 peratus) dan

Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.8 peratus).

"Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain dan Pendidikan masing-masing merekodkan kenaikan 1.6 peratus, manakala kedua-dua Minuman Alkohol & Tembakau dan Pakaian & Kasut pula masing-masing meningkat sebanyak 0.6 peratus dan 0.5 peratus," jelasnya.

DOSM berkata, kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP telah merekodkan peningkatan sederhana iaitu 6.3 peratus (Mac 2023: 6.9 peratus). Daripada 230 item Makanan & Minuman, 84.3 peratus telah merekodkan kenaikan harga berbanding April 2022.

Komponen Makanan di rumah menyederhana kepada 5.0 peratus pada April 2023 berbanding 5.6 peratus yang direkodkan bulan sebelumnya. Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) yang bermula pada 15 hingga 30 April 2023 selama 16 hari sedikit sebanyak telah meredakan inflasi komponen ini dari terus meningkat.

Seiring dengan kenaikan sederhana komponen Makan di rumah, komponen Makanan di luar rumah turut mencatatkan kenaikan yang lebih rendah kepada 8.1 peratus berbanding Mac 2023 (8.6 peratus).